

16/03/1998

Perpaduan dan kuasa membela orang Melayu

Sut

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengulang pentingnya perpaduan dalam parti bagi menjamin kuasa Umno meneruskan perjuangan membela hak serta kepentingan orang Melayu.

Ketika merasmikan Persidangan Umno Bahagian Kuala Selangor, Presiden Umno menegaskan yang penting hari ini ialah mengukuhkan perpaduan yang menjadi asas kekuatan Umno untuk mengelak negara dijajah sekali lagi.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim pula ketika merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Serdang di Seri Kembangan menegaskan adalah lebih baik jika sistem peralihan pemimpin berjalan secara tenang dan harmoni.

Dalam pergaulan kita dengan orang Umno, kita jarang mendengar pemimpin lain bercakap mengenai perkara yang sama. Di kalangan orang Umno, perkara yang sering diucapkan ialah mengenai intrig di kalangan mereka. Mereka memikirkan keuntungan yang boleh diperolehi menerusi jawatan yang boleh mereka sandang sama ada ketua bahagian, ketua cawangan dan pelbagai jawatan lagi dalam parti.

Kita ingin mendengar penghayatan mereka berhubung nasihat pemimpin tertinggi parti. Jika Dr Mahathir bercakap soal pertandingan tidak penting, mengapa tidak mereka menghayati kenyataan itu. Jika Dr Mahathir bercakap mengenai perpaduan, apa salahnya mereka mempraktikkan kenyataan presiden parti itu. Begitu juga, jika Anwar bercakap pentingnya peralihan kepemimpinan secara tenang dan harmoni, apa salahnya mereka melakukannya di peringkat akar umbi.

Sepatutnya, pemimpin peringkat bawahan menyambung mesej pemimpin Pusat ke bahagian atau cawangan. Jika mereka tidak menyebarkan mesej itu bagaimana hal matlamat menyatupadukan rakyat dapat disebarkan. Matlamat Umno untuk menyebarkan mesej pemimpin tidak akan dicapai jika hanya beberapa kerat saja yang menyahut seruan pemimpin Pusat. Seboleh mungkin, semua ketua bahagian dan cawangan Umno menyuarakan dengan lantang mengenai pentingnya perpaduan berbanding pertandingan atau perlawanan.

Hanya dengan perpaduan saja dapat menjamin keutuhan negara. Keutuhan negara pula hanya diperolehi melalui kuasa yang menjadi natijah daripada perpaduan. Sebagaimana kata Perdana Menteri: "Kalau kita tidak mempunyai kuasa menentukan dasar dalam negara kita, bermakna kita sudah dijajah."

Hakikat yang harus diterima ialah kalau Umno lemah, tidak kuat dengan sendirinya Barisan Nasional (BN) juga akan lemah. Dalam hal ini, amat penting semua ahli Umno memahami keadaan genting yang dihadapi negara sekarang.

Memang jelas seperti kata Anwar: "Kita tidak mahu kegawatan ekonomi dijadikan peluang mencari pengaruh oleh sesetengah pihak dengan harapan dapat mengisi poket mereka pula."

Kita meminta rakyat berkorban untuk negara dalam keadaan kegawatan ekonomi seperti hari ini. Pada waktu yang sama rakyat pun ingin juga melihat pemimpinnya pada semua peringkat ikut sama berkorban. Dan persoalan pengorbanan dalam perjuangan ini bukan perkara baru. Datuk nenek kita dulu banyak berkorban untuk kebahagiaan kita hari ini.

Kerana itulah Perdana Menteri menasihatkan "...janganlah kerana terlalu asyik dengan pemilihan pada peringkat cawangan dan bahagian sehingga lupa kepada perjuangan Umno." Sebenarnya ahli pada peringkat akar umbi sudah lama ingin apa yang dikatakan Perdana Menteri itu dilaksanakan pada peringkat bahagian dan cawangan.

Memang diakui banyak bahagian yang tenang kerana ahlinya menghayati peringatan Perdana Menteri dan pesanan Timbalannya itu, tetapi masih banyak bahagian dan cawangan yang tidak tenang, tidak harmoni, akibat kegawatan berebut jawatan dalam parti sehingga membelakangkan sama sekali moral dan etika dan akhirnya mereka membelakangkan matlamat perjuangan parti - membela nasib bangsa Melayu.

Memang seharusnya tidak sukar memilih pemimpin pada peringkat bahagian kerana seperti kata Anwar, pemilihan boleh didasarkan kepada rekod perkhidmatan calon. Seorang pemimpin yang harus dipilih ialah seorang pemimpin yang bertanggungjawab, bermoral serta tidak mengutamakan diri sendiri atau mengisi poket sendiri.

Kita kira sudah tibalah masanya rakyat atau ahli peringkat akar umbi tidak lagi bercakap mengenai perebutan dan pertandingan. Kalau kita hitung berapa banyak pertandingan yang ada dalam Umno jelas akan terbayang betapa setiap waktu minda ahli Umno, terutama pemimpinnya selalu dirongrong oleh pertandingan. Ada pemilihan cawangan, ada pemilihan bahagian dan kemudian diikuti pula pemilihan peringkat yang lebih tinggi.

Demokrasi adalah musyawarah. Dan musyawarah tidak semestinya bermakna pertandingan, kerana dalam musyawarah tidak ada makna pertandingan. Memang dari satu segi ada pengkritik yang tidak bersetuju dengan hujah itu, tetapi kita pun harus pula ingat dengan hujah kita yang lain, iaitu kita hendak membangun secara kita sendiri, mengikut acuan kita sendiri.

Akhirnya kita ingin menegaskan sekali lagi, kita bergerak cergas dalam politik bertujuan membela bangsa Melayu dan menjaga maruah dan martabat bangsa dan negara. Kita tidak mahu tujuan yang murni itu dirosakkan oleh sikap tamak dan haloba sehingga anasir luar mudah mengganggu kedaulatan kita.

(END)